

Berita Harian MALAYSIA

SELASA, 7 MAC, 1978

Satu masalah nasional

ADALAH benar kata-kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa masalah orang-orang Melayu Pulau Pinang adalah masalah nasional. Jika masalah mereka dibiarkan tanpa terpecah maka ia selamanya akan menjadi duri dalam daging negara Malaysia.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata Kerajaan Pusat telah membuat peruntukan untuk menolong orang-orang Melayu Pulau Pinang meninggikan taraf ekonomi mereka. Tetapi mereka mestilah bersiap sedia melengkapkan diri sebelum bantuan diberi.

Dengan lain-lain perkataan, sekiranya orang-orang Melayu Pulau Pinang hendak mengubah nasib mereka kepada nasib yang lebih baik, maka mereka mestilah menolong mengubah nasib itu dan sebaliknya tidak menyerahkan segala-galanya kepada Kerajaan.

Kerajaan di mana-mana juga tentu tidak dapat memberi pertolongan yang berkekalan kesannya jika pihak yang ditolong itu tidak mahu menolong dirinya sendiri. Kerana tidak ada faedah memberi bantuan sekiranya bantuan yang diberikan itu hanya beruntung bagi sementara waktu sahaja.

Masalah orang-orang Melayu Pulau Pinang adalah begitu berat sehingga Timbalan Perdana Menteri pun mengaku bahawa masalah tersebut tidak dapat diatasi jika dibiarkan kepada mereka sendiri sahaja memecahkannya.

Dengan lain-lain perkataan, Kerajaan terpaksa campur tangan dengan memberi bantuan yang sesuai tetapi tentulah keterlaluan untuk menyangka kejayaan dapat dicapai dalam masa yang singkat.

Untuk mencapai kejayaan itu orang-orang Melayu Pulau Pinang mesti mengubah sikap melebihi bekerja daripada bercakap, melengkapkan diri dengan pengetahuan dan sanggup menghadapi segala ujian dan susah payah dalam membe-la dan dibela nasib mereka.